

1. Terangkan maksud perakaunan dan simpan kira.

Perakaunan	
Simpan kira	

2. Terangkan perbezaan perakaunan Islam dengan perakaunan konvensional?

Perakaunan Islam	
Perakaunan Konvensional	

3. Tentukan badan-badan perakaunan tersebut dalam kategori yang sesuai :

		<b>Contoh /Badan Terlibat</b>
(i)	Badan Kawal Selia	
(ii)	Badan professional perakaunan	
(iii)	Badan Penggubal Piawaian	

4. Nyatakan ciri-ciri kualitatif Penyata Kewangan berdasarkan pernyataan berikut:

	<b>Penyataan</b>	<b>Ciri Kualitatif</b>
(i)	Maklumat dalam penyata kewangan mestilah bebas daripada kesilapan material dan tiada unsur berat sebelah .	
(ii)	Sesuatu maklumat dapat diperolehi semasa maklumat tersebut diperlukan	
(iii)	Maklumat dalam Penyata kewangan Syarikat Sukaku tahun 2016 boleh dibandingkan dengan maklumat kewangan yang diberikan bagi tempoh perakaunan yang lepas.	


5. Nyatakan komponen yang terlibat bagi komponen penyata kewangan berikut :

Jualan Bersih	Kos Jualan

6. Nyatakan kod etika profesional bagi pernyataan berikut ;

- (a) Akauntan perlu menghayati prinsip keadilan dan kebenaran
- (b) Akauntan dilarang mendedahkan maklumat yang diperolehi daripada kerja yang dijalankan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan.

7. Lengkapkan Kitaran perakaunan berikut :



(a)	
(b)	
(c)	

8. Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang terlibat

<b>Bil</b>	<b>Situasi</b>	<b>Andaian, Prinsip dan Batasan</b>
(i)	Encik Akmal Hafiz telah merekod bayaran insurans Kenderaan peribadinya dengan menggunakan cek perniagaan ke dalam Akaun Ambilan dan Akaun Bank.	
(ii)	Bangunan Perniagaan Seri Mahligai telah direkod pada harga dibeli pada tahun 2015 , di dalam Kunci Kira-kira walaupun harga semasa telah berubah.	
(iii)	Penyata Kewangan Sarah Najihah Enterprise disediakan berdasarkan urusanniaga yang berlaku dalam tempoh 1 April 2016 sehingga 31 Mac 2017	
(iv)	Perniagaan Afiqah menggunakan kaedah baki berkurangan dalam pengiraan susut nilai kenderaan perniagaannya. Kaedah ini diteruskan pada setiap Tempoh perakaunan.	
(v)	Kedai Ain telah merekodkan sewa RM1200 dalam Penyata pendapatan termasuk sewa belum bayar sebanyak RM200.	

9. Terangkan perbezaan perniagaan milikan tunggal dengan perkongsian.

10. Lengkapkan jadual di bawah;

<b>Tempoh Perakaunan</b>	<b>Tahun Perakaunan bermula</b>	<b>Tahun Perakaunan berakhir</b>
Satu tahun	1 April 2016	
Setengah tahun		31 Ogos 2016
Satu tahun		31 Mei 2017

1. Kelaskan butir-butir berikut kepada aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti bukan semasa, liabiliti semasa, ekuiti pemilik dan akaun kontra. Tandakan ( / ) pada lajur berkenaan.

	<b>Butir</b>	<b>Aset Semasa</b>	<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>Liabiliti Semasa</b>	<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>	<b>Ekuiti Pemilik</b>
a)	Bank					
b)	Pemiutang					
c)	Tunai					
d)	Peruntukan hutang ragu					
e)	Ambilan					
f)	Jentera					
g)	Premis					
h)	Pinjaman					
i)	Overdraf bank					
j)	Gadai janji					
k)	Simpanan tetap					
l)	Mesin					
m)	Kenderaan					
n)	Susut nilai terkumpul					
o)	Perabot					
p)	Modal					
q)	Stok akhir					
r)	Tunai					
s)	Alatan pejabat					
t)	Penghutang					

2 Kelaskan butir-butir berikut kepada hasil dan belanja. Tandakan ( / ) pada lajur berkenaan.

	<b>Butir</b>	<b>Hasil</b>	<b>Belanja</b>
(a)	Insurans		
(b)	Komisen diterima		
(c)	Hutang lapuk terpulih		
(d)	Sewa dibayar		
(e)	Gaji		
(f)	Angkutan keluar		
(g)	Promosi		
(h)	Faedah atas simpanan		
(i)	Diskaun diterima		
(j)	Susut nilai kenderaan		
(k)	Hutang lapuk		
(l)	Kadar bayaran		
(m)	Faedah atas pinjaman		
(n)	Angkutan masuk		
(o)	Derma		
(p)	Pengurangan hutang ragu		
(q)	Dividen		
(r)	Sewa diterima		
(s)	Duti import		
(t)	Diskaun diberi		
(u)	Pertambahan hutang ragu		
(v)	Belanja am		
(w)	Rugi pertukaran wang asing		

3. a) Nyatakan dua komponen yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi.  
 i.  
 ii.

- b) Kategorikan setiap akaun berikut ke dalam komponen yang berkaitan:

Bank	Angkutan masuk	Stok Akhir	Ambilan
Jualan	Angkutan keluar	Penghutang	Komisen diterima
Pulangan belian	Alat tulis	Modal awal	Faedah simpanan
Upah atas belian	Faedah pinjaman	Belanja am	Pemiutang
Pinjaman	Kadar bayaran	Premis	Alatan kedai
Untung bersih	Modal akhir	Pulangan jualan	Insurans
Belian	Duti import	Insurans atas belian	Sewa diterima
Diskaun diberi		Diskaun diterima	

	Komponen	Akaun
<b>Akaun Perdagangan dan Untung Rugi/ Penyata Pendapatan</b>	Jualan Bersih	
	Kos Jualan	
	Hasil	
	Belanja	
<b>Kunci Kira-Kira</b>	Aset Semasa	
	Aset Bukan Semasa	
	Liabiliti Semasa	
	Liabiliti Bukan Semasa	
	Ekuiti Pemilik	

4. a) Dengan menggunakan persamaan perakaunan, lengkapkan jadual di bawah:

	<b>ASET RM</b>	<b>LIABILITI RM</b>	<b>EKUITI PEMILIK RM</b>
i)		19 000	55 000
ii)	72 800	15 100	
iii)	61 140		45 100
iv)	98 000	12 800	
v)	115 000		75 000

- b) Nyatakan kesan terhadap aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik bagi setiap urusan niaga berikut.

	<b>Urus Niaga</b>	<b>Kesan</b>	<b>Penerangan</b>
i)	Beli barang niaga secara kredit RM3 000	(+) Stok (+) Pemiutang	Membeli barang niaga secara kredit, Stok bertambah, Pemiutang juga bertambah.
ii)	Ambilan tunai RM200 untuk tujuan peribadi pemilik	(-) Modal (-) Tunai	Tunai di tangan dikeluarkan daripada perniagaan, aset perniagaan akan berkurang RM200 Ambilan aset tersebut akan mengurangkan Ekuiti Pemilik perniagaan sebanyak RM200
iii)	Menjual kenderaan terpakai dan terima cek RM5 000		
iv)	Bayar sewa dengan tunai RM320		
v)	Ambilan barang niaga untuk didermakan RM4500		
vi)	Bayar Pemiutang dengan cek RM2 800 untuk hutang bernilai RM3 000		

	<b>Urus Niaga</b>	<b>Kesan</b>	<b>Penerangan</b>
vii)	Pemilik membawa masuk perabot peribadi RM1500 ke dalam perniagaan		
viii)	Terima tunai daripada Penghutang RM4 300 untuk menyelesaikan hutang RM4500		
ix)	Jualan barang niaga secara tunai RM1 200. Kos asal barang tersebut RM1 000		
x)	Terima dividen RM300 secara tunai dari Maybank Berhad		
xi)	Terima pinjaman bank RM30 000 daripada Bank Muamalat Berhad		
xii)	Membawa masuk tunai RM6000 sebagai modal tambahan		

5. Pada 1 April 2016, baki-baki Suzana Enterprise adalah seperti yang berikut.

	<b>RM</b>
Kenderaan	10 000
Modal	11 850
Overdraf bank	300
Pemiutang	2 250
Penghutang	1 900
Stok	2 000
Tunai di tangan	500

Urus niaga yang berikut berlaku pada bulan April 2016.

- i. Pemilik memasukkan almari peribadi sebanyak RM5 200 ke dalam perniagaan dan RM1 300 dalam akaun semasa di bank perniagaan.
- ii. Separuh daripada Stok dijual secara kredit kepada Kai Xian dengan harga RM1 200.
- iii. Membeli kenderaan bernilai RM40 000 dengan bayaran pendahuluan 20% dengan cek dan bakinya menerusi pinjaman bank.
- iv. Pemilik menjual perabot peribadinya dengan tunai RM800. Separuh daripada wang tersebut dibawa masuk ke dalam perniagaan.
- v. Belian kredit daripada Pembekal Shannon berjumlah RM800.
- vi. Menerima tunai daripada Kai Xian sebanyak RM400 untuk menjelaskan hutangnya sebanyak RM450.

**Anda dikehendaki** melengkapkan jadual serta Kunci Kira-Kira.

Urus niaga	Aset					Liabiliti			Ekuiti Pemilik	
	Perabot	Tunai	Stok	Kenderaan	Penghutang	Pemiutang	Bank	Pinjaman	Modal	Untung Bersih
Baki										
i.										
ii.										
iii.										
iv.										
v.										
vi.										
Jumlah										

6. Perniagaan Liew ialah sebuah perniagaan milikan tunggal. Kunci Kira-Kira perniagaan itu pada 31 Mac 2016 adalah seperti berikut:

	RM		RM
Perabot	52 320	Modal	19 500
Premis	73 800	Untung bersih	60 600
Stok	138 900	Pemiutang	53 700
Penghutang	39 600	Bank	2 520
Tunai	7 200		
	<u>311 820</u>		<u>311 820</u>

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2016:

- i. Menjual satu perlima daripada Stok secara kredit pada harga RM34 800.
- ii. Tunai dikeluarkan RM250 untuk membiayai yuran tuisyen anak pemilik.
- iii. Bayar bil elektrik dan air dengan tunai RM1 200.
- iv. Mengubah suai premis dengan tunai peribadi berjumlah RM27 000.
- v. Terima cek daripada Penghutang RM8 700 dan beri diskaun RM900.
- vi. Beli barang niaga secara kredit berjumlah RM2 300.
- vii. Terima sewa dengan cek RM1 200.

**Anda dikehendaki:**

- a) Lengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan dibawah
- b) Sediakan Kunci Kira-Kira pada 30 April 2016.

Urus Niaga	Perabot	Premis	Stok	Bank	Penghutang	Tunai	Modal	Untung bersih	Pemiutang
Baki									
i.									
ii.									
iii.									
iv.									
v.									
vi.									
vii.									
Jumlah									

7. Berikut ialah baki aset dan liabiliti Adam Enterprise pada 1 Julai 2016.

	RM
Lengkapan	21 780
Stok	15 200
Penghutang	19 300
Bank	17 760
Pemiutang	8 640
Modal	40 000
Untung Bersih	25 400

Urus niaga yang berikut berlaku sehingga 31 Julai 2016.

- i. Jualan 1/5 daripada stok kepada Iman dengan mendapat keuntungan sebanyak 20%.
- ii. Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM700 untuk kegunaan keluarga.
- iii. Belian barang niaga secara kredit RM4 600.
- iv. Iman memulangkan barang niaga bernilai RM240 kerana rosak.
- v. Menerima sekeping cek RM7 100 daripada penghutang.
- vi. Menjualengkapan lama yang mempunyai nilai buku RM 1 080 dengan harga RM800. Hasil jualan dibankkan.
- vii. Membayar pemiutang dengan cek RM5 500 dan menerima diskaun RM460.
- viii. Pemilik membeli perabot baru bernilai RM1 740 dengan cek.
- ix. Menerima pinjaman sebanyak RM30 000. 5% daripada pinjaman tersebut digunakan untuk membayar gaji pekerja. Bakinya digunakan untuk membeli sebuah van terpakai.
- x. Bayar insurans kedai RM600 dengan cek.

**Anda dikehendaki:**

- a) Menyediakan jadual persamaan perakaunan untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.
- b) Menyediakan Kunci Kira-Kira pada 31 Julai 2016.

8. Encik Affandi memulakan perniagaan Fandi Enterprise pada 1 Jun 2016 dengan membawa masuk aset yang berikut.

	<b>RM</b>
Perabot	8 000
Premis	80 000
Tunai di bank	30 000

Urus niaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2016.

- i. Beli barang niaga secara kredit RM4 400.
- ii. Bayar gaji dengan cek RM900
- iii. Jual barang niaga berkos RM550 secara kredit pada harga RM850.
- iv. Terima cek daripada penghutang berjumlah RM400.
- v. Jelaskan cek kepada pemiutang bernilai RM2 600 dan terima diskaun RM200.
- vi. Pemilik membawa masuk meja dan rak peribadi bernilai RM850 untuk kegunaan perniagaan.
- vii. Sekeping cek yang diterima daripada penghutang RM300 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- viii. Pemilik telah mengeluarkan cek RM340 untuk membayar insurans peribadinya.
- ix. Perniagaan telah meminjam daripada bank sebanyak RM7 000. Wang tersebut dimasukkan ke dalam Akaun Bank perniagaan.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- a) Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format yang berikut.

Urus Niaga	Perabot	Premis	Stok	Bank	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung bersih	Ambilan
Baki	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
i.									

- b) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2016.

9. Kunci Kira-Kira yang berikut disediakan untuk Azzali, seorang peniaga kecil.

**Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2016**

<b>ASET</b>	<b>RM</b>	<b>EKUITI PEMILIK</b>	<b>RM</b>
Kenderaan	40 000	Modal	50 000
Perabot	8 600	<b>LIABILITI</b>	
Penghutang	7 500	Pemiutang	7 300
Tunai	400	Overdraf bank	2 000
Stok	3 900	Gaji belum bayar	1 100
	<b>60 400</b>		<b>60 400</b>

Perkara-perkara yang berikut berlaku daripada 1 Julai hingga 5 Julai 2016.

- i. Membeli barang RM560 secara kredit.
- ii. Gaji belum bayar telah dibayar dengan cek.
- iii. Barang yang berkos RM460 dijual dengan harga RM520. Cek yang diterima dibankkan.
- iv. Sebuah van lama berharga RM9 600 dibeli secara kredit untuk kegunaan perniagaan.
- v. Azzali mengambil barang RM80 untuk kegunaan keluarganya.
- vi. Menjual kabinet lama RM310 secara kredit kepada Kedai Jarvis seorang pelanggan.
- vii. Membayar belanja am dengan tunai RM180.

Berdasarkan Kunci Kira-Kira dan maklumat di atas, sediakan Kunci Kira-Kira pada 5 Julai 2016. (tunjukkan semua jalan kerja)

10. Apakah yang dimaksudkan dengan Catatan Kontra?
11. Lengkapkan jadual berikut:

	<b>Akaun Kontra</b>	<b>Akaun Induk</b>
a)	Pulangan jualan/ Pulangan masuk	
b)	Pulangan belian/ Pulangan keluar	
c)	Ambilan	
d)	Peruntukan hutang ragu	
e)	Susut nilai terkumpul	

12. Terangkan secara ringkas tentang Carta Akaun.
13. Berikut merupakan Carta Akaun bagi Syarikat Fahmi Fahim Sdn. Bhd.

<b>KOD</b>	<b>AKAUN</b>
<b>1499-1999</b>	Akaun Aset
<b>2000-2500</b>	Akaun Liabiliti
<b>2499-2999</b>	Akaun Belanja
<b>3000-3500</b>	Akaun Hasil

Cadangkan kod akaun bagi setiap akaun berikut berdasarkan Carta Akaun yang diberi:

<b>Akaun</b>	<b>Cadangan Kod</b>
Premis	
Pemiutang	
Dividen	
Kadar bayaran	
Faedah simpanan	
Faedah pinjaman	
Overdraf bank	
Penghutang	

1. Nyatakan dua fungsi dokumen perniagaan.
2. Nyatakan dua dokumen yang terlibat dalam urus niaga kredit.
3. Nyatakan dokumen sumber yang sesuai bagi urus niaga berikut

Bil	Urus niaga	Jawapan
(i)	Belian aset bukan semasa secara kredit	
(ii)	Bayaran gaji pekerja	


4. Apakah dokumen yang digunakan untuk situasi berikut:

Bil	Situasi	Dokumen perniagaan
(i)	Pelanggan dikenakan caj tambahan kerana meminta menukar ganti barang	
(ii)	Pembeli mengembalikan bekas kosong seperti tin dan kotak kepada pembekal	

5. Lengkapkan jadual dengan menyatakan dokumen perniagaan yang bertepatan dengan fungsinya.

Bil	Fungsi dokumen	Dokumen
(i)	Merekodkan urus niaga yang dijalankan secara kredit antara penjual dan pembeli.	
(ii)	Tujuannya untuk memberitahu pembeli akaun telah dikreditkan bagi mengurangkan hutang,	
(iii)	Dokumen yang merekodkan pemindahan wang dari akaun peniaga ke akaun pihak ketiga secara elektronik.	

6. Apakah yang dimaksudkan dengan K.& K di K?
7. Rajah berikut menunjukkan aliran dokumen dalam urus niaga secara kredit.



Nyatakan dokumen **Y** dan **Z**.

8. Berikut merupakan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac bagi Perniagaan Malim. Nyatakan dokumen perniagaan yang terlibat bagi setiap urus niaga tersebut.

Bil	Urus Niaga	Dokumen Perniagaan
(i)	Membeli barang niaga secara tunai daripada Perniagaan Badrul	
(ii)	Menjual barang niaga kepada Perniagaan Zhi Yan secara kredit.	
(iii)	Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga	
(iv)	Perniagaan Zhi Yan memulangkan barang kerana rosak.	

9. Rajah berikut menunjukkan contoh bagi bil tunai.

<b>Asal</b>				
Hong Enterprise No.8 Bercham Selatan 31400 Ipoh, Perak  <b>BIL TUNAI</b>				
Kepada:			Tarikh : 4/8/2016	
Kimi Enterprise No 23, Taman Baktisiswa 31400, Ipoh Perak				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Tayar	2	80.00	160.00
2	Alas Brek	2	30.00	60.00
<b>JUMLAH</b>				220.00
(Ringgit Malaysia : Dua Ratus Dua Puluh Sahaja)				

Berdasarkan bil tunai tersebut, siapakah yang mengeluarkan bil tunai tersebut?

10. Rajah di bawah ialah satu contoh memo.

<b>MEMO</b>	
Kimi Enterprise No. 23, Taman Baktisiswa 314 00 Ipoh, Perak	
Kepada: Kerani Akaun	Tarikh: 14/8/2016
Pemilik telah mengeluarkan wang untuk kegunaan sendiri sebanyak RM300.	
<u><i>kimi</i></u> Pengurus	

Apakah kegunaan bagi memo di atas?


11. Berikut merupakan keratan cek bagi sebuah perniagaan.

Tarikh	: 23 Januari 2016	
Penerima	: Kumon Enterprise	
Kerana	: Membayar sewa perniagaan	
	Ringgit	sen
Baki akhir	2 800	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	2 800	00
Cek ini	1 200	00
Baki	<b>X</b>	
009551		

Berdasarkan keratan cek:

- (a) mengapakah cek ini dikeluarkan?  
(b) berapakah nilai X?

12. Rajah berikut menunjukkan aliran bagi dokumen perniagaan antara pembeli dengan penjual dalam urus niaga tunai.



Berdasarkan aliran tersebut, nyatakan dokumen bagi X dan Y

13. Urus niaga berikut di ambil daripada buku Perniagaan

2017	
Februari 3	Membeli barang niaga daripada Permata Biru berjumlah RM5 500 dan menerima diskaun niaga sebanyak 15%.
7	Menjelaskan semua hutang dengan menggunakan Cek.
Syarat diskaun: Diskaun tunai 10% 5 hari, 5% 20 hari	

- (a) Hitung amaun diskaun niaga yang diperolehi oleh Syarikat Perniagaan Wah Cam.
- (b) Berapakah nilai bersih yang perlu dbayar oleh Perniagaan Wah Cam pada 7 Februari 2017?
14. Berikut menunjukkan situasi yang berlaku bagi sesuatu urus niaga. Nyatakan dokumen yang terlibat bagi setiap situasi tersebut.

Bil	Urus Niaga	Dokumen Perniagaan
i.	Melati menambahkan RM7 000 sebagai modal ke dalam perniagaannya dan dibankkan.	
ii.	Encik Mikail merupakan pemilik bagi Syarikat Bina Bhd. Invois yang dihantar oleh Syarikat Bina Bhd kepada Syarikat Upaya Bhd terkurang caj.	
iii.	Kilang Perabot Kim Jong menjual perabot kepada Kedai Perabot Yuk Li secara kredit.	



17. Pemborong Maizatul menjual barang niaga kepada Kedai Jenny dengan syarat jualan seperti berikut:
- (i) 7% diskaun niaga bagi pesanan 21 000 unit barang dengan harga RM7.00 seunit.
  - (ii) 14% diskaun niaga jika pesanan melebihi 28 000 unit barang dengan RM7.00 seunit.

Anda dikehendaki menghitung diskaun niaga dan kos seunit bagi setiap syarat jika Kedai Jenny membeli:

- (a) 21 000 unit
  - (b) 30 000 unit
18. Perniagaan Harrie menjual barang niaga kepada Perniagaan Maira dengan syarat jualan seperti berikut:
- (i) 8% diskaun niaga bagi pesanan 13 000 unit barang dengan harga RM8.50 seunit.
  - (ii) 11% diskaun niaga jika pesanan melebihi 18 000 unit barang dengan RM8.50 seunit.

Anda dikehendaki menghitung diskaun niaga dan kos seunit bagi setiap syarat jika Kedai Jenny membeli:

- (a) 13 000 unit
- (b) 19 000 unit

1. Berikan dua jenis Buku Catatan Pertama.
2. Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Syafiq

2017	
Feb 2	Perniagaan mengeluarkan barang niaga bernilai RM2 300 untuk kegunaan promosi.

Rekodkan urus niaga tersebut di dalam Jurnal Am.

3. Nyatakan Jurnal Khas yang sesuai bagi merekodkan urus niaga berikut

	Urus Niaga	Jurnal Khas
(i)	Menjual barang niaga kepada Kedai Halimah	
(ii)	Memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM760 kepada Perniagaan Kamal.	
(iii)	Membayar sewa dengan cek bernilai RM 800	

4. Berikut merupakan urus niaga yang dijalankan oleh Perniagaan Keunggulan pada bulan September 2016.

Tarikh	Syarikat	Jumlah (RM)	Diskaun Niaga
2016			
September 2	Perniagaan Karnival Bhd	23 000	10%
4	Kedai Berkat	3 000	5%
8	Perniagaan Juita	15 000	8%
15	Perniagaan Kuntum	42 000	15%
21	Kedai Bon Hin	11 000	4%

Berdasarkan maklumat berikut, sediakan Jurnal Belian bagi Perniagaan Keunggulan pada bulan September 2016.

5. Dokumen-dokumen berikut di peroleh daripada Kedai Runcit Makmur yang menjual kelengkapan perniagaan.

Tarikh 3.6.2017			
PERNIAGAAN MERU 112 Persiaran Meru Ipoh Perak  INVOIS			
Kepada: Kedai Runcit Makmur 10 Jalan Kuda Kepang Ipoh Perak			
Kuantiti	Butiran	Harga seunit	Jumlah
2	Rak peragaan	550	1 100
1	Mesin Register	400	400
Tolak diskaun niaga 10 %			1 500.00
Jumlah			<u>150.00</u> <b>1 350.00</b>
(Ringgit: Satu ribu tiga ratus lima puluh sahaja)			
<i>Atira</i>		<i>Amin</i>	
.....		.....	
T.T. Penerima		T.T. Pengurus	

5.6.2017
KEDAI RUNCIT MAKMUR 10 Jalan Kuda Kepang Ipoh Perak  MEMO
Perkara: Membawa masuk komputer persendirian ke dalam perniagaan bernilai <b>RM3 500</b> untuk kegunaan perniagaan
<i>Atira</i> ..... T.T. Pengurus

6.6.2017
KEDAI RUNCIT MAKMUR 10 Jalan Kuda Kepang Ipoh Perak  MEMO
Perkara: Mengambil pelbagai barang niaga <b>RM 250.00</b> untuk kegunaan anak-anaknya
<i>Atira</i> ..... T.T. Pengurus

Rekodkan urus niaga berikut ke dalam jurnal yang terlibat.

6. Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Permai Jaya pada bulan Jun 2016.

2016	Urus niaga
Jun 1	Jualan barang niaga RM3 000 ( nombor resit 4501)
3	Beli barang niaga dengan cek RM750 (nombor cek 3301)
5	Terima sewa RM1 700 dengan cek (nombor resit 4502)
12	Jualan barang niaga RM700 (nombor resit 4503)
16	Beli barang niaga RM2 000 (nombor cek 3302)
18	Beliengkapan RM350 (nombor cek 3303)
21	Terima cek RM2 300 daripada Kedai Kumar RM1 200 (nombor resit 4504)

Rekodkan urus niaga tersebut ke dalam Jurnal Penerimaan dan Jurnal Pembayaran Tunai.

7. Berikut merupakan urus niaga daripada Perniagaan Maju Makmur pada bulan Ogos 2016.

2016	Urus niaga
Ogos 1	Beli kelengkapan pejabat daripada Kedai Perabot Wong bernilai RM3 500.
4	Beli barang niaga secara kredit daripada Perniagaan Johan bernilai RM10 500
7	Jualan tunai RM3 300 (nombor resit 0012)
9	Pulangan barang rosak bernilai RM300 kepada Perniagaan Johan.
11	Jualan stok secara kredit bernilai RM4 200 kepada Kedai Lucy.
15	Beli stok secara kredit daripada Pembekal Maniam bernilai RM3 000
18	Jualan stok secara kredit bernilai RM2 300 kepada Kedai Bahagia.
23	Menerima komisen secara tunai RM300 daripada Kedai Lucy
25	Bayar gaji pekerja dengan cek RM300 (nombor cek 3491)

Rekodkan urus niaga berikut ke dalam Jurnal Am dan Jurnal Khas.

8. Dokumen-dokumen berikut diperoleh daripada buku-buku Kedai Buku Isyana Sarasvati yang mula beroperasi pada bulan Januari 2016

KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI  
123 Jalan Baru Jumpa,  
60000 Mambang Di Awan, Perak

**MEMO**

Kepada : Kerani akaun  
Tarikh : 1 Januari 2016  
Daripada : Pengurus

Pemilik telah memasukkan wang tunai sebanyak RM20 000 ke dalam bank sebagai modal perniagaan.

Isyana  
.....  
Pengurus

### Dokumen 1

ASAL Inv.No:1111  
**PEMBEKAL BUKU KHALIFAH**  
89, Batak Rabbit, Perak

**INVOIS**

Kepada : Tarikh : 1 januari 2016  
**KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI**  
123 Jalan Baru Jumpa,  
60000 Mambang Di Awan,  
Perak

Bil	Butir	Kuantiti (RM)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Hang Pi Mana, Hafiz	10	45.00	450.00
2	Amran Fans Reloaded	10	5.00	50.00
3	Duda Terlajak Laris Konon	50	10.00	500.00
				1000.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				200.00
<b>JUMLAH</b>				<b>800.00</b>

(Ringgit Malaysia : Lapan ratus sahaja )  
Syarat : 10% 3 hari, 5% 10 hari  
K. & K. di K.

Isyana khalifah  
Penerima Pengurus

### Dokumen 2

SALINAN		Inv.No:2222		
<b>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
<b>INVOIS</b>				
Kepada :			Tarikh : 2 Januari 2016	
<b>Kedai Runcit Ji Hyo</b>				
12345 Taman Iman Mewangi, Ipoh				
Bil	Butir	Kuantiti (RM)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Hang Pi Mana, Hafiz	3	50.00	150.00
				150.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				30.00
<b>JUMLAH</b>				<b>120.00</b>
(Ringgit Malaysia : Seratus dua puluh sahaja )				
Syarat : 10% 3 hari, 5% 10 hari				
K. & K. di K.				
<i>Ji Hyo</i>			<i>isyana</i>	
Penerima			Pengurus	

**Dokumen 3**

ASAL	RS 0032
<b>RESIT RASMI</b>	
<b>KEDAI PERABOT GOKU</b>	
Persiaran Iman 20, Lambor Kiri, Perak	
Tarikh 5 Januari : 2016	
Diterima daripada	: Kedai Buku Isyana Sarasvati
Ringgit Malaysia	: Sembilan ratus sahaja
Untuk Bayaran	: Belian Set Perabot Baru
<b>RM900.00</b>	<i>Goku</i>
Tunai / No. Cek : CIMB 999432	(Pengurus)

**Dokumen 4**

SALINAN		Inv.No:3333		
<b>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
<b>INVOIS</b>				
Kepada :		Tarikh : 7 Januari 2016		
<b>Sri Manis Katering</b>				
6789 Kota Sarang Semut, Kedah				
Bil	Butir	Kuantiti (RM)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Amran Fans Reloaded	5	10.00	50.00
				50.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				10.00
<b>JUMLAH</b>				<b>40.00</b>
(Ringgit Malaysia : Empat puluh sahaja )				
Syarat : 10% 3 hari, 5% 10 hari				
K. & K. di K.				
<u>Juzzfat</u>			<u>isyana</u>	
Penerima			Pengurus	

**Dokumen 5**

<p>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI 123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak</p> <p style="text-align: center;"><b>MEMO</b></p> <p>Kepada : Kerani akaun Tarikh : 9 Januari 2016 Daripada : Pengurus</p> <p>Pemilik telah mengambil barang niaga bernilai kos RM40.00 untuk tujuan promosi.</p> <p><i>Isyana</i> ..... Pengurus</p>
--

**Dokumen 6**

ASAL		Inv.No:4444		
<b>PEMBEKAL BUKU KHALIFAH</b>				
89, Batak Rabit, Perak				
<b>INVOIS</b>				
Kepada :		Tarikh : 11 Januari 2016		
<b>KEDAI BUKU ISYANA</b>				
<b>SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
Bil	Butir	Kuan titi (RM)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Koleksi Ayat Pick-up Line	10	90.00	900.00
2	Ada Gapo Dengan Cinta 2	2	50.00	100.00
				1000.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				200.00
<b>JUMLAH</b>				<b>800.00</b>
(Ringgit Malaysia : Lapan ratus sahaja )				
Syarat : 10% 3 hari, 5% 10 hari				
K. & K. di K.				
<u>Isyana</u>			<u>khalifah</u>	
Penerima			Pengurus	

**Dokumen 7**

ASAL	<b>RESIT RASMI</b>	RS 007
<b>PEMBEKAL BUKU KHALIFAH</b>		
89, Batak Rabit, Perak		
Tarikh : 15 Januari 2016		
Diterima daripada	: Kedai Buku Isyana Sarasvati	
Ringgit Malaysia	: Dua ratus sahaja	
Untuk Bayaran	: Menjelaskan invoice 1111 (Bayaran hutang)	
<b>RM200.00</b>	<i>Khalifah</i>	
Tunai / No. Cek : MBB 213432	(Pengurus)	

**Dokumen 8**

ASAL	No.Nota Kredit:5555			
<b>PEMBEKAL BUKU KHALIFAH</b>				
89, Batak Rabbit, Perak				
<b>NOTA KREDIT</b>				
Kepada :	Tarikh : 17 Januari 2016			
<b>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
Akaun tuan/puan telah dikreditkan seperti yang berikut:				
<b>Bil</b>	<b>Butir</b>	<b>Kuantiti (RM)</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Koleksi Ayat Pick-up Line (dikembalikan kerana rosak)	1	90.00	90.00
				90.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				18.00
<b>JUMLAH</b>				<b>72.00</b>
(Ringgit Malaysia : Tujuh puluh dua sahaja )				
				<i>khalifah</i> Pengurus

**Dokumen 9**

SALINAN	No.Nota Kredit:7777			
<b>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
<b>NOTA KREDIT</b>				
Kepada :	Tarikh : 19 Januari 2016			
<b>Sri Manis Katering</b>				
6789 Kota Sarang Semut, Kedah				
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara yang berikut :				
<b>Bil</b>	<b>Butir</b>	<b>Kuantiti (RM)</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Amran Fans Reloaded	1	10.00	10.00
				10.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 20%</i>				2.00
<b>JUMLAH</b>				<b>8.00</b>
(Ringgit Malaysia : Lapan sahaja )				
				<i>isyana</i> Pengurus

**Dokumen 10**

SALINAN		No.Bil :BT88		
<b>KEDAI BUKU ISYANA SARASVATI</b>				
123 Jalan Baru Jumpa, 60000 Mambang Di Awan, Perak				
<b>BIL TUNAI</b>				
Kepada :			Tarikh : 21 Januari 2016	
<b>Faizal Bin Tahir</b>				
Desa Temu Jodoh, Johor				
Bil	Butir	Kuantiti (RM)	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Hang Pi Mana, Hafiz	3	50.00	150.00
2	Bilal Si Budak Gedebe	3	40.00	120.00
<b>JUMLAH</b>				270.00
(Ringgit Malaysia : Dua ratus tujuh puluh sahaja )				
Tunai / <del>No.cek</del> :				
Faizal		Isyana		Penerima
.....		.....		
Pengurus				

**Dokumen 11**

Merujuk kepada dokumen-dokumen di atas, anda dikehendaki menyediakan catatan dalam Buku Catatan Pertama yang berikut.

- i) Jurnal Am
- ii) Jurnal Belian
- iii) Jurnal Jualan
- iv) Jurnal Pulangan Belian
- v) Jurnal Pulangan Jualan
- vi) Buku Tunai

1. Padankan maklumat berikut mengikut klasifikasi Akaun – akaun lejar yang sesuai.

a.	Perabot
b.	Pulangan Belian
c.	Kenderaan
d.	Ambilan
e.	Kadar bayaran
f.	Penghutang
g.	Komisen Diterima
h.	Faedah atas overdraf
i.	Pemiutang
j.	Stok
k.	Modal
l.	Belian

Akaun Nyata
Akaun Nominal
Akaun Perorangan

2. Kenalpasti penyataan di bawah dan cara perekodan ke dalam sistem catatan bergu yang sesuai.

Bil	Urusniaga	Akaun debit	Akaun kredit
1	Memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM20 000.		
2	Membeli komputer pejabat RM2 000 dan pencetak bernilai RM3 000. Bayaran dibuat dengan cek.		
3	Beli stok barang niaga bernilai RM5 000 secara kredit daripada Berjaya Ent.		
4	Jualan secara kredit RM2 000 kepada Sri Maju.		
5	Membawa masuk kenderaan peribadi ke dalam perniagaan bernilai RM20 000.		
6	Mengambil barang niaga bernilai RM100 untuk promosi kedai.		
7	Memulangkan barang kepada Berjaya Ent RM50.		
8	Belian stok RM1 000 secara tunai (bayaran dengan cek).		
9	Sri Maju memulangkan barang bernilai RM100.		
10	Membayar Berjaya Ent. RM2 500 dengan cek.		
11	Jualan tunai RM1 500. Terimaan tunai dibankkan		
12	Membayar gaji pekerja RM1 000 dengan cek.		
13	Membayar bil air, elektrik bernilai RM250 dengan cek.		
14	Jualan kepada Pandan Indah secara kredit bernilai RM1 800.		
15	Seri Maju membayar semua hutangnya dengan tunai dan diberi diskaun tunai RM50		

3. Kenalpasti sumber dalam akaun kawalan berdasarkan butiran maklumat yang diberikan di bawah.

Bil	Butir	Sumber
1.	Pulangan Belian	
2.	Jualan kredit	
3.	Angkutan masuk	
4.	Penerimaan tunai daripada penghutang	
5.	Faedah dikenakan ke atas penghutang	
6.	Diskaun diberi	
7.	Pulangan jualan	
8.	Pembayaran kepada Pemiutang	
9.	Hutang lapuk dihapuskan	
10.	Belian kredit	
11.	Cek tak layan	
12.	Baki penghutang	
13.	Baki pemiutang	
14.	Diskaun diberi dibatalkan	
15.	Diskaun diterima	

4. Jailani Enterprise memulakan perniagaan pada 1 Julai 2016 dengan wang di dalam bank bernilai RM45 000, mesin RM25 000 dan kenderaan RM40 000. Perkara berikut telah berlaku sepanjang bulan Julai 2016. :

2016	Penyataan
Jul 5	Membeli barang niaga secara kredit sebanyak RM14 800 daripada Pembekal Zaitun .
7	Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 000 ke dalam perniagaan.
8	Menerima pinjaman bank yang telah dimohon sebelum ini sebanyak RM50 000 daripada Bank Pembangunan Awam Berhad dan dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.
9	Membayar sewa premis RM2 000 dengan cek.
10	Menjual barang niaga bernilai RM6 700 dan menerima cek.
11	Membeli barang niaga secara kredit bernilai RM8 900 daripada Alang Sdn. Bhd.
12	Memulangkan barang yang rosak kepada Alang Sdn. Bhd. bernilai RM500.
15	Menerima komisen secara tunai RM600.
17	Membayar hutang kepada Pembekal Zaitun RM5 000 dengan cek
19	Membeli alatulis dengan cek RM750.
23	Menjual barang niaga secara kredit kepada Perniagaan Anak Kampung bernilai RM6 000.
25	Membayar kadar bayaran bernilai RM350 dengan cek
27	Menerima cek daripada Perniagaan Anak Kampung bernilai RM2 500.

Anda dikehendaki memindahkan maklumat di atas ke dalam lejar yang berkaitan

5. Pada 1 April 2015 Pn. Amirah telah memulakan perniagaan Syarikat Amirah Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat yang menjual minyak wangi. Berikut ialah aset yang dibawa masuk semasa memulakan perniagaan:

	<b>RM</b>
Tunai	800
Bank	36 000
Stok	12 000

Urus niaga Syarikat Amirah Sdn. Bhd. bagi bulan April 2015 ditunjukkan oleh dokumen perniagaan di **Lampiran A**.

- (a) Catatkan urus niaga tersebut dalam buku catatan pertama. (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima.)  
 (b) Pindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar.

Asal 6791			
SYARIKAT BERJAYA 46, Jalan Raja Laut 54100 Kuala Lumpur <b>INVOIS</b>			
Kepada:		Tarikh: 7 April 2015	
Syarikat Amirah Sdn. Bhd 73 Jln. Mutiara Bendahara 45000 K. Selangor Selangor			
Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
50	Minyak wangi Rose	65.00	3 250.00
45	Kasut wangi Lily	70.00	3 150.00
75	Minyak wangi Jelita	50.00	3 750.00
			10 150.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		2 030.00
<b>Jumlah</b>			<b>8 120.00</b>
<b>(Ringgit : Lapan ribu satu ratus dua puluh sahaja)</b>			
Syarat : 5 % 7 Hari			
Serahan: Angkutan dibayar			
K & K. D. K			
Amira		Yasmin	
.....		.....	
Penerima		Pengurus	

Dokumen 1

Asal	
SYARIKAT BERJAYA 46 Jalan Raja Laut 54100 Kuala Lumpur1 <b>RESIT RASMI</b>	
Tarikh: 10	
April 2015	
Diterima daripada: Syarikat Amirah Sdn. Bhd. Ringgit Malaysia : Tujuh ribu tujuh ratus empat belas sahaja Bayaran untuk : Menjelaskan invois 6791 (diskaun tunai RM 406)	
RM 7 714.00	
No cek: BNB 740710	
	Yasmin
	.....
	Pengurus

Dokumen 2

Asal 3005

SYARIKAT PERFUME DINI  
130 Jalan Kekwa  
54100 Kuala Lumpur

**INVOIS**

Kepada: Tarikh: 13 April 2015  
Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
40	Minyak wangi Keiko	110.00	4 400.00
35	Kasut wangi Sakura	250.00	8 750.00
30	Minyak wangi Haiti	80.00	2 400.00
			15 550.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		3 110.00
<b>Jumlah</b>			<b>12 440.00</b>

(Ringgit : Dua belas ribu empat ratus dan empat puluh sahaja)  
Syarat : 5 % 7 Hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K & K. D. K

Amira Rose  
.....  
Penerima Pengurus

Dokumen 3

Salinan

Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**BIL TUNAI**

Kepada: Tarikh: 15 April  
Perniagaan Lazadat Teguh  
15, Jln. Bakawali  
45200 Sabak Bernam Selangor

2015

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
10	Minyak wangi Water Lily	120.00	1 200.00
15	Kasut wangi Eye	150.00	2 250.00
			3 450.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		345.00
<b>Jumlah</b>			<b>3 105.00</b>

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu satu ratus lima sahaja)  
Tunai

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 4

Salinan

Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**INVOIS**

Kepada: Tarikh: 18 April  
2015  
Syarikat Wangianku  
19 Jalan Salak  
45000 K. Selangor Selangor

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
20	Minyak wangi Keiko	110.00	2 200.00
15	Kasut wangi Sakura	250.00	3 750.00
			5 950.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		1 190.00
<b>Jumlah</b>			<b>4 760.00</b>

(Ringgit : Empat ribu tujuh ratus enam puluh sahaja)  
Syarat : 5 % 7 Hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K & K. D. K

Shahira Amira  
.....  
Penerima Pengurus

Dokumen 5

Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**MEMO**

Tarikh: 20 April

2015

Peringatan:  
Pemilik telah mengambil sebotol minyak wangi Sakura RM  
250.00 untuk kegunaan promosi

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 6

Salinan 2001

Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**NOTA KREDIT**

Kepada: Tarikh: 21 April 2015  
Syarikat Wangianku  
19 Jalan Salak  
45000 K. Selangor Selangor

Qty	Butir	No Rujukan	H.Seunit	Jumlah
4	Minyak wangi Keiko (dipulangkan kerana retak)	Invois No:3724	110.00	4 40.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%			88.00
<b>Jumlah</b>				<b>352.00</b>

(Ringgit : Tiga ratus lima puluh dua sahaja)

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 7

BANK NASIONAL BERHAD  
52 Persiaran Gurney  
45000 Kuala Selangor Selangor

**MAKLUMAN DEBIT**

Kepada:  
Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 24 April 2015

No. Akaun :3322456790166

Sila ambil perhatian bahawa akaun tuan telah didebitkan seperti yang berikut:  
Jumlah: Enam puluh sahaja  
Perkara: Caj bank

**RM60.00**

**Latif**  
.....  
Pengurus

Dokumen 8

Asal

SYARIKAT PERFUME DINI  
130 Jln. Kekwa  
54100 Kuala Lumpur

**RESIT RASMI**

Tarikh: 26 April 2015

Diterima daripada : Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
Ringgit Malaysia : Tujuh ribu empat ratus empat puluh sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan Sebahagian invois No 3005

RM 7 440.00  
Cek: BNB 740711

Rose  
.....  
Pengurus

Dokumen 9

**BAUCER PEMBAYARAN**  
Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 27 April 2009

Kepada  
Cik Maya Suria

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Gaji Bulan April 2015	700.00

(Ringgit Malaysia: Tujuh ratus sahaja)  
Tunai/No. Cek

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 10

**Salinan**

**RESIT RASMI**  
Syarikat Amirah Sdn. Bhd  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 30 April 2015

Diterima daripada : Syarikat Wangianku  
Ringgit Malaysia : Dua Ribu sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan Sebahagian invois No 2001

RM2000.00  
Tunai /No.Cek: BKB 270501

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 11

6. Encik Azizi telah dilantik oleh Syarikat Maikrosuf untuk menguruskan perbelanjaan kecil syarikat. Syarikat mengamalkan sistem panjar dengan memperuntukkan RM150 setiap dua minggu sebagai dana runcit.

Baki tunai pada akhir bulan Mac 2017 adalah RM46. Pada 1 April 2017, Encik Azizi telah menerima sekeping cek daripada ketua juruwang sebagai bayaran balik. Dokumen berikut menunjukkan pembayaran yang berlaku.

<b>BAUCAR TUNAI RUNCIT</b>			V01/17
<b>Syarikat Maikrosuf</b>			
No.81 Jalan Bilget			
31600 Gopeng, Perak			
05-3581818			
			Tarikh : 2 April 2017
Kuantiti	Keterangan	Jumlah (RM)	
1 Unit	Klip kertas dan pemadam cecair	14.00	
JUMLAH		14.00	
Ringgit :		Empat belas sahaja	
Tunai / No.Cek :			
<u>Epoi</u>		<u>Jijie</u>	
(Penerima)		(Pengurus)	

<b>ASAL</b>		<b>BIL TUNAI</b>			<b>BT007</b>
		<b>PERABOT SOLEHAH</b>			
		No.8910, Jalan Iman			
		31350 Ipoh, Perak			
		05-3113113			
<b>Kepada :</b>					<b>Tarikh : 7 April 2017</b>
Syarikat Maikrosuf					
No.81 Jalan Bilget					
31600 Gopeng, Perak					
05-3581818					
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
1	Kerusi	1	155.00	155.00	
		JUMLAH		155.00	
Ringgit		Seratus lima puluh lima sahaja			
Tunai / No.Cek :					
		<u>Solehah</u>			
		(Pengurus)			

<b>BAUCAR TUNAI RUNCIT</b>		V02/17
<b>Syarikat Maikrosuf</b>		
No.81 Jalan Bilget		
31600 Gopeng, Perak		
05-3581818		
		Tarikh : 10 April 2017
<b>Kuantiti</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1 Unit	Tambang teksi	63.00
	JUMLAH	63.00
Ringgit : Enam puluh tiga sahaja		
Tunai / No.Cek :		
<u>Epoi</u>		<u>Jjie</u>
(Penerima)		(Pengurus)

<b>BAUCAR TUNAI RUNCIT</b>		V03/17
<b>Syarikat Maikrosuf</b>		
No.81 Jalan Bilget		
31600 Gopeng, Perak		
05-3581818		
		Tarikh : 14 April 2017
<b>Kuantiti</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
30 Unit	Setem @ RM0.60 sekeping	18.00
	JUMLAH	18.00
Ringgit : Lapan belas sahaja		
Tunai / No.Cek :		
<u>Epoi</u>		<u>Jjie</u>
(Penerima)		(Pengurus)

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan bayaran balik oleh ketua juruwang dan lajur analisis bayaran iaitu pos, tambang dan alat tulis.

7. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perniagaan Batik Bubuibu, di Kelantan pada 1 Januari 2017.

2017		RM
Januari 1	Baki tunai di tangan	800
	Baki tunai di bank	12 000
	Terima cek daripada Ketua Juruwang	250
3	Membeli kertas fotostat	45
4	Membayar kos kain rentang untuk promosi tawaran ulang tahun dengan menggunakan cek	1 200
5	Membayar sebahagian hutang kepada Butik Neelopa dengan cek RM5 075 dan terima diskaun RM250	
7	Membayar petrol untuk motosikal	10
8	Jualan dengan cek kepada Kedai Fesyen XXXL	6 340
11	Penghantaran bungkusan melalui pos	16
12	Jualan tunai kain batik sutera	580
15	Membeli pewangi pejabat	25
18	Membayar elektrik kediaman pemilik dengan tunai	200
20	Membayar tempat letak kereta	5
20	Membayar gaji pekerja dengan tunai	750
22	Membeli setem dan sampul surat berdaftar	20
27	Membeli dakwat pencetak	85
30	Menerima cek daripada Kedai Selamat RM2 000 dan beri diskaun RM100	

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Buku Tunai Tiga Lajur
- b) Buku Tunai Runcit dengan lajur analisis belanja pejabat, pos, tambang dan alat tulis

8. Maklumat berikut diberi oleh Syarikat Li Seng:

2015		RM
Julai 1	Baki debit Lejar Belian	245
	Baki kredit lejar Belian	2 370
	Baki debit Lejar Jualan	2 260
	Baki kredit lejar Jualan	350
Julai 31	Jumlah belian	31 580
	Jumlah jualan	43 260
	Belian tunai	5 530
	Jualan tunai	7 140
	Pembayaran kepada pemiutang	22 875
	Penerimaan daripada penghutang	31 652
	Angkutan dikenakan oleh pembekal	1 244
	Faedah dikenakan ke atas penghutang	132
	Diskaun diterima daripada pemiutang	386
	Diskaun diberi kepada penghutang	413
	Pulangan barang kepada pembekal	292
	Pulangan barang daripada pelanggan	115
	Cek tak layan	276
	Diskaun diberi dibatalkan	30
	Hutang lapuk	490
	Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan	235
	Pindahan dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	179
	Baki debit Lejar Belian	330
	Baki kredit Lejar Jualan	280

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Pemiutang
- (b) Akaun Kawalan Penghutang
- (c) Hitung jumlah belian dan jualan

9. Berikut adalah buku-buku catatan pertama Kedai Ehsan.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2016			RM	RM
Jun 1	Tunai		1 250	
	Bank		6 750	
	Alatan Pejabat		8 000	
	Kenderaan		25 000	
	Penghutang : Kedai Wawasan		2 345	
	Pemiutang : Syarikat			3 560
	Perkasa			39 765
	Modal		<u>43 345</u>	<u>43 345</u>
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)			
Jun 25	Ambilan		235	
	Belian			235
	(Ambilan barang-barang untuk kegunaan sendiri)			

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2016				RM
Jun 14	Kedai Wawasan			540
22	Kedai Wawasan			351
30	Akaun Jualan (kt)			<u>891</u>

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2016				RM
Jun 6	Syarikat Perkasa			1 280
8	Syarikat Angkasa			960
30	Akaun Belian (dt)			<u>2 240</u>

## Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2016				RM
Jun 10	Syarikat Perkasa			64
30	Akaun Pulangan Belian (kt)			64

## Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Fol	No. Dok.	Jumlah
2016				RM
Jun 16	Kedai Wawasan			81
30	Akaun Pulangan Jualan (dt)			81

## Buku Tunai

Tarikh	Butir	F	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	F	Tunai	Bank
2016			RM	RM	2016			RM	RM
Jun 1	Baki	h/b	1 250	6 750	Jun 16	Ambilan			500
3	Kedai			1 200	20	Syk.			2 560
10	Wawasan				26	Perkasa			1 600
15	Jualan		300		29	Gaji			
